



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### **PERJANJIAN USAHA SAMA PENERBITAN FILEM ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN KERAJAAN AUSTRALIA**

Perjanjian usaha sama penerbitan filem (*co-production*) antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Australia telah dimeterai di Sydney, Australia pada hari ini, 29 November 2019. Perjanjian ini ditandatangani oleh Menteri Luar Negeri Malaysia, YB Dato' Saifuddin Abdullah dan Menteri Luar Negeri Australia, TYT Senator Marise Payne.

Ini merupakan suatu inisiatif yang baik kerana ia boleh membantu industri kreatif negara kita serta membuka lebih banyak peluang dan ruang perniagaan baharu untuk penggiat-penggiat industri kita dengan Australia dan negara-negara lain yang berkaitan di masa hadapan.

Perbincangan usaha sama ini yang diterajui oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) telah bermula sejak 2007, namun tiada sebarang persetujuan rasmi dicapai sehingga kini. Walaubagaimanapun, sejak kerajaan baharu mengambil alih, susulan permintaan daripada industri, langkah-langkah yang perlu telahpun diambil untuk membincangkan semula bagaimana kita boleh menjayakan inisiatif ini.

Melalui perjanjian usaha sama ini, industri filem tempatan akan mendapat banyak faedah.

Produksi daripada Malaysia akan dianggap sebagai produk tempatan Australia dan dengan itu boleh menembusi pasaran negara-negara lain yang telah menandatangani perjanjian dengan Australia.

Sehingga kini, Australia telah mengadakan perjanjian usaha sama penerbitan filem dengan beberapa buah negara seperti Kanada, China, Singapura, Itali, Jerman, United Kingdom dan lain-lain.

Ianya juga akan membolehkan kerjasama kukuh yang akan membantu dalam peningkatan kuantiti dan kualiti penerbitan usaha sama antara kedua-dua Negara. Di samping itu, ia juga membantu pembangunan kemahiran kepada produksi tempatan menerusi perkongsian kepakaran.

Bukan setakat itu sahaja, inisiatif ini juga dapat mengurangkan risiko kerugian melalui perkongsian kos produksi oleh penggiat-penggiat kedua-dua negara.

Perjanjian usaha sama ini dijangka boleh menggalakkan pertumbuhan ekonomi tempatan melalui peningkatan peluang pekerjaan serta pendapatan kepada syarikat-syarikat produksi dan perkhidmatan sokongan produksi seperti syarikat sewaan peralatan, industri perhotelan,

syarikat caterer dan sewaan kenderaan pengangkutan. Ia juga memberi manfaat yang sama kepada industri sokongan lain yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dengan industri perfileman negara kita.

Kerjasama ini membolehkan pertukaran budaya dan kreativiti di antara kedua-dua negara melalui pendedahan serta peluang kepada para karyawan Malaysia. Mereka boleh menonjolkan bakat masing-masing menerusi lakonan, pengarahan, penulisan skrip, penyuntingan dan lain-lain bidang yang berkaitan dengan industri ini juga dijangka berlaku.

Perjanjian ini juga akan mengambil kira mekanisme dan fasiliti layanan percukaian yang sedia ada di antara kerajaan Malaysia dan Australia, dan akan melibatkan aspek undang-undang dan peraturan sedia ada negara dalam aspek urusan imigresen antara kedua-dua negara, pengimportan dan eksport peralatan perfileman dan urusan mendapatkan kebenaran penggambaran.

Saya menyambut baik pemeteraian persetujuan usaha sama antara Malaysia dan Australia ini. Saya berharap ia akan bantu menjana hasil yang lebih produktif dan bermakna untuk Malaysia dan Australia dalam industri perfileman kedua-dua negara.

Selain daripada perjanjian usaha sama dengan Australia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) kini sedang berbincang dengan beberapa negara lain untuk melihat bagaimana kita boleh bekerjasama

untuk memperkuatkan lagi industri perfileman negara di peringkat global di masa hadapan.

**GOBIND SINGH DEO**

**MENTERI KOMMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**

**29 NOVEMBER 2019**